

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS PENUTUP  
PROGRAM TEMUDUGA TERBUKA SL1M PERINGKAT ZON PANTAI TIMUR  
DAN UMP CAREER FAIR 2017  
PADA HARI KHAMIS, 30 MAC 2017, PUKUL 9.00 PAGI  
DI KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff,  
Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berbahagia Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir,  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi;

Yang Berbahagia Puan Hajjah Norashikin Datuk Haji Ismail,  
Ketua Sekretariat Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M), Jabatan Perdana  
Menteri;

Rakan-rakan saya dari UMP :

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainudin,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Profesor Dr. Jamil bin Ismail,

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Ketua-ketua dan pegawai-pegawai kanan jabatan, agensi

dan badan berkanun Persekutuan dan Negeri;

Ketua-ketua Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan agensi swasta;

Pegawai-pegawai utama, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Warga kerja dan mahasiswa;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi;

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam Majlis Penutup Program Temuduga Terbuka SL1M Peringkat Zon Pantai Timur dan UMP Career Fair 2017 pada pagi ini.

2. Selaku tuan rumah kepada acara ini, saya bagi pihak pengurusan dan seluruh warga UMP ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan tetamu kehormat kita, Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri ke UMP Kampus Gambang untuk menyempurnakan majlis pada pagi ini.
3. UMP sesungguhnya amat sukacita dan berbesar hati atas pemilihan kampus ini sebagai lokasi penganjuran Program Temuduga Terbuka SL1M Peringkat Zon Pantai Timur yang turut berjalan serentak bersama UMP Career Fair 2017.
4. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Sekretariat Latihan 1Malaysia di Jabatan Perdana Menteri atas kepercayaan yang telah diberikan kepada UMP sebagai rakan kongsi penganjuran Program Temuduga Terbuka SL1M Peringkat Zon Pantai Timur tersebut.

5. Justeru, adalah menjadi harapan saya agar kerjasama yang dijalankan pihak SL1M bersama kami melalui Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya (CPDC) dan Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat Universiti ini dapat terus dilestari dan dikembangkan lagi pada masa hadapan dengan semangat permuafakatan dan persefahaman yang tinggi.

### **INISIATIF UMP DALAM KONTEKS KEBOLEHPASARAN GRADUAN**

6. Yang Berbahagia Datuk Seri, tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagai salah sebuah Universiti Awam di negara ini, UMP turut tercabar untuk memastikan para graduannya memiliki daya saing yang tinggi dan kompetensi yang relevan bagi menjamin kebolehpasaran mereka di alam kerjaya. Untuk itu, pelbagai langkah dan inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020 dalam konteks meningkatkan kebolehpasaran graduan Universiti ini sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan.

7. Justeru, Universiti telah menubuhkan Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya (CPDC) yang dipertanggungjawabkan secara strategik dalam konteks perkongsian pintar, pembangunan kapasiti, perancangan laluan kerjaya, latihan dan bimbingan kepada para mahasiswa bagi menyediakan mereka sebagai graduan yang berketerampilan.
8. Dalam hubungan tersebut, pihak pengurusan Universiti ini turut melihat kepentingan libatsama pihak industri dan alumni UMP dalam usaha pengembangan dan peningkatan daya saing graduan bagi memenuhi ekspektasi dan keperluan pasaran pada hari ini.
9. Kita menyedari bahawa penguasaan teori dan pengetahuan akademik semata-mata bukanlah satu jaminan mutlak kebolehpasaran seseorang graduan jika tidak disertai dengan aspek kompetensi lain yang lebih menjurus kepada kemahiran komunikasi, pengurusan organisasi, minda keusahawanan dan disiplin diri.

10. Aspek kompetensi lain inilah yang mencabar para mahasiswa untuk lebih proaktif dalam pelbagai program dan aktiviti tambahan di luar dewan kuliah yang bernilai tambah kepada peningkatan daya saing dan pembangunan kapasiti mereka sebagai calon graduan yang berketerampilan.
11. Malah, inisiatif strategik yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi melalui pelaksanaan dasar penilaian Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) adalah manifestasi komitmen kerajaan untuk memastikan graduan yang dihasilkan oleh semua Universiti Awam memiliki kualiti yang memenuhi ekspektasi pasaran dan industri.
12. Dalam kerangka *spider web* iCGPA tersebut, sebanyak lapan atribut telah dikenalpasti iaitu Pengetahuan, Kemahiran Praktikal, Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial, Etika dan Nilai, Komunikasi, Kemahiran Penyelesaian Masalah, Pengurusan Maklumat dan Keusahawanan.

13. Penilaian secara holistik tersebut membolehkan pihak universiti menentukan aras daya saing mahasiswa secara lebih realistik dan mengambil langkah-langkah konstruktif yang relevan bagi menambahbaik kualiti mahasiswa yang berkenaan secara khusus berdasarkan kelapan-lapan atribut ini.
14. *Alhamdulillah*, melalui usaha gigih pelbagai pihak di UMP, khususnya pihak fakulti, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Persatuan Alumni Graduan UMP dan CPDC, UMP mencapai kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 96% iaitu peratusan tertinggi dalam kalangan semua Universiti Awam di Malaysia sebagaimana hasil Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2016 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.
15. Maka, UMP Career Fair 2017 yang berjalan serentak dengan Program Temuduga Terbuka SL1M ini merupakan satu acara tahunan di peringkat Universiti yang merupakan satu inisiatif sokongan bagi menghubungkan para graduan UMP dengan bakal majikan.

16. Peluang dan pendedahan seumpama ini amatlah penting dalam konteks penyesuaian aras kelayakan dan kualiti kompentensi yang dimiliki para graduan yang berkenaan dengan keperluan sebenar bakal majikan yang mewakili pelbagai sektor industri.
17. Justeru, pihak pengurusan amat sukacita dengan pelbagai program yang mengisi UMP Career Fair 2017 ini seperti ceramah industri, seminar *Finish Up & Move On* (FUMO), sesi *mock interview, boot camp* dan lain-lain.
18. Maka sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada rakan industri dan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung untuk menjayakan program-program tersebut seperti RP Chemicals, Kaneka Malaysia, TT Electronik, Red One Network, Schlumberger, Great Eastern Life, TalentCorp dan CIMB Bank atas kerjasama erat yang telah diberikan demi menyediakan masa hadapan yang cerah dan meyakinkan buat para graduan kita.

19. Pada masa yang sama, kita masih tercabar untuk terus mempergiatkan lagi pelbagai inisiatif ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan di Malaysia secara proaktif bagi menastikan negara ini menikmati manfaat daripada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bakat-bakat muda ini, sekaligus menyumbangkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara secara mapan dan mampan.
20. Maka, tumpuan harus terus diberikan kepada peningkatan keupayaan para graduan kita untuk menguasai empat kemahiran penting yang dijangka menerima permintaan tinggi sehingga tahun 2022 menurut laporan *Oxford Economics* iaitu *Digital Skills, Agile Thinking Skills, Interpersonal and Communication Skills* dan *Global Operating Skills*.
21. *Insya-Allah*, dengan sinergi, permuafakatan dan kerjasama erat semua pihak yang berkenaan sama ada daripada sektor awam, swasta atau pendidikan tinggi, matlamat tersebut berupaya direalisasikan melalui penterjemahan komitmen strategik ini dalam bentuk inisiatif yang realistik, praktikal dan efektif.

## **KATA PENUTUP**

22. Yang Berbahagia Datuk Seri, tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Sekretariat Latihan 1Malaysia atas penganjuran Program Temuduga Terbuka SL1M Peringkat Zon Pantai Timur di UMP Kampus Gambang ini. UMP sentiasa komited untuk terus bekerjasama dengan pihak SL1M untuk inisiatif-inisiatif seumpama ini pada masa hadapan.

23. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para pengunjung dari dalam dan luar UMP yang telah sudi memeriahkan kedua-dua acara ini serta para pemamer yang mewakili pelbagai sektor atas penyertaan mereka. Saya turut berharap lebih banyak lagi syarikat dan industri tampil memberi sokongan melalui penyertaan dalam acara ini pada tahun-tahun akan datang.

24. Saya berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan acara ini memberi impak yang tinggi dan manfaat yang besar kepada para pengunjung dan semoga rahmat peliharaan-Nya sentiasa memayungi kita dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kemakmuran dan kecemerlangan, *Amin.*

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

*Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh*